

29 JAN 2001

Bahrain-kenyataan

BAHRAIN MAHU BELAJAR KEJAYAAN MALAYSIA, KATA SHAIKH KHALIFA

PUTRAJAYA, 29 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Bahrain Shaikh Khalifa bin Salman Al-Khalifa berkata negaranya berminat belajar daripada pengalaman Malaysia, bagi menyediakan negaranya menghadapi cabaran ekonomi global.

Beliau berkata Malaysia telah mencapai kejayaan besar dalam pelbagai bidang, dalam jangka masa pendek, yang membolehkannya mencapai tamadun yang tinggi.

"Kewibawaan luar biasa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pentas dunia sangat-sangat dihormati Bahrain.

"Wawasan beliau dan pandangan antarabangnya dapat meningkatkan kerjasama erat antara negara-negara membangun," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan pada permulaan lawatan rasmi tiga harinya ke negara ini, yang bermula hari ini.

Beliau berkata mengekalkan momentum dasar tersebut adalah penting dalam menghadapi cabaran alaf baru.

Shaikh Khalifa, yang diiringi delegasi 55 anggota, termasuk empat menteri, melawat negara ini atas jempuan Dr Mahathir, yang telah melawat Bahrain pada tahun 1997.

Beliau berkata lawatannya ke negara ini memberi peluang kepadanya untuk bertemu Dr Mahathir dan bertukar-tukar pandangan berkaitan isu serantau dan antarabangsa bagi kebaikan bersama.

"Kami juga berharap lawatan ini akan menyumbang kepada meningkatkan hubungan antara kedua-dua negara, dan kerjasama dalam bidang lain bagi kebaikan bersama," katanya.

Beliau berkata ini bagi membolehkan Manama dan Kuala Lumpur menyumbang bersama ke arah meningkatkan keselamatan, kestabilan dan kerjasama antarabangsa.

Shaikh Khalifa juga menyampaikan perutusan ucap selamat daripada Amir Bahrain, Shaikh Hamad bin Essa Al-Khalifa kepada kepimpinan dan rakyat Malaysia.

"Kami gembira semasa lawatan ini, kedua-dua negara akan menandatangani memorandum persefahaman untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi meningkatkan kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang, bagi mencerminkan hubungan yang erat antara kedua-dua negara," katanya.

-- BERNAMA

AFY MAM RI